Risalah Tsulasa'

EDISI 3

4 R.Akhir 1426
13 Mei 2005

Hadith Pilihan

وَعَنْ أَبِي يَحْيَى صُهَيْبِ بْنِ سِنَانٍ
رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ
رَسُوْلُ اللهِ ﷺ : عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ
أَمْرَهُ كُلَّهُ لَهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذٰلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا
لِلْمُؤْمِنِ، إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءُ شَكَرَ فَكَانَ
خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءُ صَبَرَ فَكَانَ
خَيْرًا لَهُ. رواه مسلم.

Dari Abu Yahya, yaitu Shuhaib bin Sinan r.a., katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Amat mengherankan sekali keadaan orang mu'min itu, sesungguhnya semua keadaannya itu adalah merupakan kebaikan baginya dan kebaikan yang sedemikian itu tidak akan ada lagi seseorangpun melainkan hanya untuk orang mu'min itu belaka, yaitu apabila ia mendapatkan kelapangan hidup, iapun bersyukur-|ah, maka hal itu adalah kebaikan baginya,sedang apabila ia ditimpa oleh kesukaran - yakni yang merupakan bencana - iapun bersabar dan hal inipun adalah merupakan kebaikan baginya." (Riwayat Muslim)

Hadith 27, Bab 3, Bab Sabar, Kitab Riyadhus Shalihin

Sumber:

- *Hadith Pilihan* – Riyadhus Shalihin, Imam Nawawi
- *Mereka Yang Telah Pergi* – Mereka Yang Telah Pergi, ditulis oleh Al-Mustasyar Abdullah Al-Aqil, terbitan Al-I'tishom Cahaya Umat
- *Hadith Tsulasa'* – Hadith Tsulasa', ditulis oleh Ahmad Isa 'Asyur, terbitan EraIntermedia

Mereka Yang Telah Pergi

DR. MUHAMMAD NATSIR

(Tokoh Pemimpin dan Mujahid: 1326-1413 H./1908-1993 M.)

Tokoh kita ini adalah Muhammad Natsir bin Idris Datusto, ulama` bertaraf tinggi, dai yang ternama, ahli politik yang berketampilan, dan merupakan salah seorang daripada pendidik utama di Indonesia.

Tempat, Tanggal Lahir, dan Masa Kecil Muhammad Natsir

Muhammad Natsir dilahirkan pada 16 Julai 1908, di Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia.Beliau dibesarkan di dalam keluarga yang kuat berpegang kepada agama, ayahnya merupakan seorang ulama` yang terkenal di Indonesia. Keadaan seperti ini sangat mempengaruhi kematangan putera ini. Beliau belajar di sekolah agama dan negeri. Mendapat ijazah perguruan tinggi dari Fakulti Tarbiyah Bandung. Mendapat gelaran Kepujian Doktor dari Universiti Islam Indonesia (dahulunya dikenali sebagai Sekolah Tinggi Islam), Yogyakarta, ketika penjajahan Belanda aktif di dalam dunia pendidikan di Bandung. Beliau juga pernah menjadi pemimpin di dalam Kementerian Pendidikan di ibu kota Indonesia, Jakarta.

Pada tahun 1945, Dr. Muhammad Hatta, Wakil Presiden Republik Indonesia selepas kemerdekaan, memintanya membantu melawan penjajah. Kemudian beliau juga menjadi anggota Majlis Permusyawaratan Rakyat Sementara.Pada tahun 1946, beliau menubuhkan parti "MASYUMI" (Majlis Syura Muslimin Indonesia). Beliau juga menjawat jawatan sebagai Menteri Penerangan selama empat tahun.

Perjuangan Muhammad Natsir

Ketika Belanda hendak menjadikan Indonesia sebagai sebuah negara perikatan, Muhammad Natsir menentangnya dan mengajukan pembentukan Negara Kesatuan Republik Indonesia. Usul ini dipersetujui oleh 90 % anggota Masyumi.

Pada tahun 1950,beliau diminta supaya membentuk kabinet sekaligus menjadi Perdana Menterinya.Walaubagaimanapun, belum pun genap setahun,beliau dipecat kerana berlawanan pendapat dengan Presiden Soekarno. Beliau tetap memimpin MASYUMI dan menjadi anggota parlimen sehingga tahun 1957.

Dr Muhammad Natsir bersama penulis,Ustadz Abdullah Al-`Aqil

Muhammad Natsir merupakan seorang tokoh Islam Kontemporari,seorang mujahid yang menerjuni diri ke dalam pertarungan sengit dalam setiap keadaan, dan juga seorang ahli politik yang sistematik. Beliau banyak memegang jawatan-jawatan yang penting di dalam negaranya, mencurahkan segala kemampuan untuk menjadikan Islam sebagai sistem pemerintahan Indonesia, dan melawan orang-orang yang menghalang dunia ini daripada diterangi Sinar Islam, baik dari kalangan penyokong sekularisme, komunisme, atau orientalis barat mahupun timur.

Pidatonya yang bertajuk “Pilihlah salah satu dari dua jalan; Islam atau Atheis” yang disampaikan oleh beliau di dalam parlimen Indonesia dan diterbitkan di dalam majalah “Al-Muslimun”, mempunyai pengaruh yang besar kepada anggota parlimen dan masyarakat muslim Indonesia.

Ketika beliau menceburkan diri dalam bidang politik, Muhammad Natsir adalah seorang yang sistematik, ketika beliau menceburkan diri dalam medan perang, beliau seorang pahlawan yang gagah berani, dan ketika berdebat dengan musuh, beliau seorang yang pakar dalam menyampaikan hujah dan berdakwah.

Muhammad Natsir menentang hebat serangan membabi buta yang dilancarkan oleh para pejuang kristian, kuncu-kuncu penjajah, dan para orientalis dari barat dan juga timur, dengan menerbitkan majalah Pembela Islam. Beliau juga menyerukan Islam sebagai titik tolak kemerdekaan dan kedaulatan, pada saat Soekarno dan kuncu-kuncunya menyerukan nasionalisme Indonesia sebagai titik tolak kemerdekaan. Ketika itu, Soekarno bersekutu dengan Komunis yang terhimpun dalam Parti Komunis Indonesia untuk melawan Dr. Muhammad Natsir dan Parti Masyumi. Pertarungan ini berlangsung sehingga tahun 1961, Soekarno membubarkan Parti Masyumi dan menahan para pemimpinnya, terutamanya Dr. Muhammad Natsir. Penentangan kaum muslimin Indonesia tidak terus lenyap, malah terus berlanjutan sehingga terjadi revolusi militan, yang berjaya menggulingkan Soekarno pada tahun 1965.

Manhaj Dakwah Muhammad Natsir

Setelah bebas daripada penjara, Muhammad Natsir bersama rakan-rakannya mendirikan Dewan Dakwah Islam Indonesia yang memusatkan aktiviti-aktiviti mereka untuk membina masyarakat, melatih para pemuda untuk menjadi dai. Kemudian cabang-cabang DDI terbentuk di seluruh Indonesia dan generasi muda dapat menyerap kehidupan Islami, menikmati suasana ilmiah, memikirkan fikrah Islam yang sebenar, memberi hala tuju kepada masyarakat,

mendirikan pusat-pusat kegiatan Islam dan masjid, menyebarkan buku-buku Islam, membentuk ikatan-ikatan pelajar Islam, serta mendirikan beberapa persatuan profesional; para jurutera, para petani, pekerja, dan lain-lain. Beliau juga menjalinkan hubungan dengan gerakan-gerakan Islam antarabangsa, untuk saling bertukar pengalaman dan saling mengukuhkan ukhuwwah. Pada tahun 1967, Muhammad Natsir dipilih menjadi Wakil Ketua Muktamar Islam Antarabangsa di Pakistan.

Awal Perkenalanku dengan Muhammad Natsir

Saya mula mengenali Muhammad Natsir dengan membaca majalah *'Al-Muslimun* yang diterbitkan oleh Dr. Said Ramadhan. Kemudian saya berkunjung ke Indonesia dan dengan takdir Allah beliau pula berkunjung ke Kuwait.

Sikapnya yang sopan santun, tawadhu`, dan sederhana membuatkan beliau dicintai oleh setiap orang yang mengenalinya dan akrab dengan orang-orang yang bekerjasama dengannya. Sikap mengambil berat kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum muslimin memenuhi sebahagian besar waktunya. Beliau melakukan lawatan ke dunia Arab dan Islam demi memperjuangkan prinsip-prinsip Islam, menyelesaikan masalah-masalah kaum muslimin, mengikuti muktamar, menghadiri seminar, melakukan hal-hal yang bermanfaat untuk Islam dan kaum muslimin.

Dr Muhammad Natsir bersama Syeikh Nadir Duri di sebuah Muktamar di Indonesia

Ketika pertama kali saya berkunjung ke Indonesia untuk menghadiri Muktamar Islam di Bandung 1965, saya berusaha untuk menemui Muhammad Natsir, tetapi tidak berjaya menemuinya kerana ketika itu beliau dipenjara bersama tokoh-tokoh mujahidin Parti Masyumi. Soekarno yang telah menjual diri kepada Komunis, mengkhianatinya dan berusaha memerangi Islam serta dainya.

Setelah itu, saya berkunjung ke Indonesia sebanyak empat kali. Dalam setiap lawatan itu, saya bertemu Dr. Muhammad Natsir yang menjadi pemimpin Dewan Dakwah Islamiyah Pusat. Saya juga bertemu dengannya ketika beliau berkunjung ke Kuwait pada tahun 1968. Dengan pertemuan-pertemuan itu, saya mendapat banyak manfaat daripada ilmu dan pengalamannya.

Sikap Bertanggungjawab Muhammad Natsir

Dr. Muhammad Natsir sangat serius mengenai masalah Palestin. Beliau menemui tokoh, pemimpin dan dai di negara-negara Arab dan Islam untuk membangkitkan semangat membela Palestin, setelah kekalahan pada tahun 1967.

Siang dan malam Muhammad Natsir berkunjung ke wilayah di Indonesia untuk urusan dakwah, sesuai dengan program yang telah direncanakan, *manhaj* yang telah dikaji sebelumnya, dan disertai rakan-rakan yang memahami kewajibannya, menyedari tanggungjawabnya, dan mencurahkan segala kemampuannya.

Setelah Soekarno tumbang pada bulan Oktober 1965, Kristianisasi semakin meningkat. Para paderi melipatgandakan usaha-usaha mereka, membangunkan gereja-gereja, menyebarkan Injil, mendirikan lembaga-lembaga pendidikan Kristian, dan membuka sekolah-sekolah mubaligh. Mereka berharap pada tahun 2000 Indonesia akan berjaya di Kristiankan.

Meskipun para paderi mendapat banyak kemudahan daripada kuncu-kuncunya di dalam negera, iaitu bekalan ekonomi yang sangat besar, dan peralatan yang mencukupi, tetapi keupayaan Dr. Muhammad Natsir dan rakan-rakan menjadi penghambat aktiviti-aktiviti para paderi dan menggagalkan rencana serta konspirasi busuk mereka. Ini disebabkan oleh keikhlasan dalam beramal, ketulusan, dan berusaha sesuai dengan syariat menjadi

pembuka kebaikan yang terus meluas di seluruh pelusuk Indonesia.

Rakyat Indonesia mula mendekati dai untuk mengenal agama yang benar dan mengetahui peranan manusia di dalam kehidupan. Kesedaran terhadap Islam pun merebak di kalangan mahasiswa dan pelajar, juga menyentuh para intelektual. Yayasan dan organisasi pemuda yang membawa misi Islam, menyebarkan dakwah, dan membela agama pun ditubuhkan.

Dr. Muhammad Natsir mempunyai peranan yang besar dalam mengarahkan lembaga-lembaga pemuda agar bekerja berdasarkan hikmah, kejelasan pandangan, dan pemahaman yang mencukupi. Itu semua amat diperlukan agar lembaga-lembaga pemuda dapat melaksanakan tanggungjawab sesuai dengan seruan Kitab Allah, Sunnah Rasul-Nya, dan ijma` para ulama salaf yang menjadikan Islam sebagai undang-undang, syariat, aqidah, ilmu, amal, jihad, fikrah, dan ibadah yang tulus kepada Allah *Ta'ala* Yang Maha Esa dan Penguasa langit dan bumi.

Dr Muhammad Natsir bersalaman dengan penulis,Ustadz Abdullah Al-`Aqil dalam satu perhimpunan yang diadakan di rumahnya di Indonesia

Ungkapan-ungkapan Muhammad Natsir

"Islam tidak terbatas kepada aktiviti rutin muslim yang sempit, tetapi pedoman hidup bagi individu, masyarakat, dan negara. Islam menentang kesewenang-wenangan manusia terhadap saudaranya. Kerana itu, kaum muslimin harus berjihad untuk mendapatkan kemerdekaan. Islam menyetujui prinsip-prinsip negara yang benar. Kerana itu, kaum muslimin harus mengelola negara yang merdeka berdasarkan nilai-nilai Islam. Tujuan ini tidak akan wujud, jika kaum muslimin tidak mempunyai keberanian berjihad untuk mendapatkan kemerdekaan. Kaum muslimin harus mengukuhkan jihad untuk memperoleh kemerdekaan, sesuai dengan nilai-nilai yang diserukan oleh Islam. Mereka juga harus serius membentuk kader dari kalangan pemuda muslim yang terpelajar."

Di dalam wawancara dengan editor majalah *"Al-Wa`yul Islami"* Kuwait; Ustadz Muhammad Yasir AI-Qadhmani, yang dilaksanakan di rumah Muhammad Natsir pada Februari 1989, Muhammad Natsir berkata, "Saya tidak takut masa depan, kerana saya tidak nampak langsung adanya bahaya. Masa depan milik umat Islam, jika mereka tetap *istiqomah;* baik secara peribadi atau pun kolektif."

Ketika redaksi bertanya tentang tokoh-tokoh yang berpengaruh kepada dirinya dan mempengaruhi perjuangannya, Muhammad Natsir menjawab, "Haji Syaikh Muhammad Amin Al-Husaini, Imam Asy-Syahid Hasan Al-Banna, dan Imam Hasan Al-Hudhaibi. Bagi tokoh-tokoh Indonesia ialah Syaikh Agus Salim dan Syaikh Ahmad Surkati."

Lembaran-lembaran ini tidak cukup untuk membahas perjalanan hidup mujahid yang sabar, sederhana, dan dai bijak ini. Kerana, namanya telah terkenal di berbagai-bagai negeri serta tokoh-tokoh pemikir, para aktivis dakwah, dan ahli-ahli politik.

Karya-karya ilmiah Muhammad Natsir

Muhammad Natsir meninggalkan karya tulis, baik yang berkaitan dengan dakwah atau pemikiran. Sebahagiannya telah diterbitkan dalam bahasa Arab, misalnya; *Fiqhud Da'wah* (Fiqh Dakwah) dan *Ikhtaru Ahadas Sabilain* (Pilih Salah Satu dari Dua Jalan). Karya-karya yang lainnya ialah:

1. *Shaum* (Puasa).
2. *Al-Maratul Muslimah wa Huququha* (Hak-hak Wanita Muslimah).
3. *Al-Hadhoroh Al-Islamiyah* (Peradaban Islam).
4. *Al-Bina'Wasthal Anqadh* (Membangun di Tengah Runtuhan).
5. *At-Tarkib At-Thabaqi lil Mujtama'* (Struktur Sosial Masyarakat).
6. *Ats-Tsaurah Al-Indonesia* (Revolusi Indonesia).
7. *Qadhiyatu Falisthin* (Masalah Palestin).
8. *Hal Yumkinu Fashlud Din 'Anis Siyasah?* (Mungkinkah Agama Dipisahkan dari Politik?).
9. *Ishamul Islam Fil Silmi Al-Alami* (Sumbangan Islam kepada Perdamaian Dunia).
10. *Al-Mal Was Sulthah Wal Mal Amanatun* (Harta dan Kekuasaan adalah Amanah).
11. *Ibdzarul Budzur* (Taburlah Benih).
12. *Al-Islam Wan Nashraniyah Fi Indonesia* (Islam dan Kristian di Indonesia).
13. *Thuba Lil Ghuraba* (Berbahagialah Orang-orang yang Terasing).
14. *Al-Yadul Lati Lam Yataqabbalaha Ahad*
15. *Al-Iman Mashdarul Quwwah Azh-Zhahirah Wal Bathinah*
16. *Al-Khaufu Wa lIsti'mar* (Ketakutan dan Penjajahan)
17. *Hina La Yustajabud Du'a* (Ketika Doa Tidak Dikabulkan).
18. *Ad-Dinu Wal Akhlak* (Agama dan Moral).
19. *Ad-Da'atu Wal Inma* (Dakwah dan Perkembangan).
20. *Khuthbah Idul Fithri.*
21. *Ma'al Ilam Nahwa Indonesia Al-Mustaqbalah*
22. *Tahta Zhilalir Risalah*
23. *Zayyinud Dunya bi A'malikum Wa Adhiul ' Ashra bi Imanikum*
24. *Ahyu Ruhul Mitsaliyah Wat Tadhiyah Marratan Ukhra*
25. *Al-Islam Wa Hurriyatul Fikr*
26. *Al-Islam Ka asasid Daulah*
27. *Al-Qalaqur Ruhi Fi Diyaril Gharb*
28. *Al-Masjid wal Quran Wal Indhibath*
29. *Ats-Tsaqafah Al-Islamiah*
30. *Islam Sebagai Ideologi*

Dan lain-lain.

Di samping itu, masih terdapat banyak ceramah, penyelidikan, makalah Muhammad Natsir yang tersebar dan tidak dapat dihitung. Beliau adalah seorang pemimpin sekaligus pemaju Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia yang berjaya menghimpun kaum muslimin di dalam manhaj yang jelas dan murni, membuat strategi kerja dakwah yang dibangunkan di penelitian lapangan, mengkader dai penyebar Islam, membantah tuduhan-tuduhan lawan, dan menghilangkan syubhat yang disebarkan musuh-musuh Islam.

Muhammad Natsir juga menjadi anggota dewan penerbit Rabithah Alam Islami, anggota Dewan Majlis di Makkah AI-Mukarramah, dan anggota Muktamar Islami di Pakistan.

Kembali ke Rahmatullah

Muhammad Natsir pulang ke *rahmatullah* pada 5 Pebruari 1993, di Jakarta, Indonesia. Semoga Allah *Ta'ala* merahmati Syaikh Dr. Muhammad Natsir dan menggantinya dengan orang lain yang meneruskan dakwah yang dirintisnya bersama rakan-rakan di Indonesia.

Jika mereka tidak menyambut seruanmu,maka ketahuilah bahawa mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja dan siapakah yang lebih sesat dari orang yang mengikut hawa nafsunya tanpa hidayat dari Allah?Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah kepada kaum yang zalim"

(Al-Qasas:50)

Hadith Tsulasa'

MANUSIA DI DALAM AL QURAN

Kita panjatkan puji syukur ke hadrat Allah swt. Kita ucapkan selawat dan salam untuk junjungan kita Nabi Muhammad, untuk segenap keluarga dan sahabat baginda, serta siapa saja yang menyerukan dakwahnya hingga hari kiamat.

Ikhwan tercinta, saya sampaikan salam penghormatan Islam, salam penghormatan dari Allah, yang baik dan diberkati: *assalamu 'alaikum wa rahmatullah wa barakatuh.*

Anda semua tentu ingat. Saya pernah berjanji bahawa tema perbicaraan kita pada kajian malam ini ialah kitab Allah swt. Saya tidak bermaksud bahawa kajian-kajian ini mengupas semua hakikat ilmiah, perbezaan pendapat, atau kemungkinan berbagai-bagai penafsiran. Saya tidak bermaksud demikian. Hanya satu tujuan saya: saya ingin memudahkan jalan untuk memahami Kitabullah, bagi siapa yang membacanya. Saya ingin memaparkan kandungan isinya secara umum dan membukakan pintu pemahaman terhadapnya.

Barangkali Anda sekalian, wahai Ikhwan, ingat sebuah pepatah yang mengatakan, *"Barangsiapa mengenal dirinya, ia mengenal tuhannya."* Jadi, jika Anda mengenal diri Anda dengan sebenar-benarnya dan mengerti kedudukan yang diberikan oleh Tuhan kepada Anda, Anda dapat menunaikan hak diri Anda dan hak Tuhan Anda. Dengan demikian Anda akan sampai kepada *ma'rifatullah. "Dan di dalam diri kalian, tidakkah kalian melihat?"* (Adz-Dzaariyat: 21).

Akhi, saya ingin agar kita berusaha supaya dapat melihat, di manakah kedudukan kita sebagai manusia? Apakah kewajiban kita ketika berada dalam kedudukan ini? Kita ingin mengetahui kedudukan yang diberikan oleh Allah kepada kita, agar kita dapat menunaikan hak diri kita dan setelah itu kita juga mengetahui hak Allah terhadap kita.

Akhi, ketika kita mengupas tema ini dari sudut ini, maka kita mendapati bahawa ia berkisar kepada satu pokok persoalan, iaitu kisah Adam as. Saya yakin, kisah ini terdapat dalam beberapa tempat dalam Al-Qur'an: di dalam surah Al-Baqarah, Al-A'raf, Al-Hijr, Al-Isra', Thaha, Shad, dan Ar-Rahman. Dalam surah-surah ini, terdapat informasi yang benar mengenai penciptaan manusia. Saudaraku, Anda melihat bahawa Allah swt menyebut manusia dalam banyak surah di dalam Al-Qur'an.

Dalam surah Al-Baqarah, "*Bagaimana kalian kufur kepada Allah, padahal kalian tadinya mati, lantas Allah menghidupkan kalian, kemudian kalian dimatikan dan dihidupkan kembali, kemudian kepada Allah-lah kalian dikembalikan.*" *(Al-Baqarah: 28)*

Dalam surah yang sama juga disebutkan, *"(Ingatlah) ketika Tuhan-mu berkata kepada para malaikat, 'Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di bumi.' Mereka berkata, 'Apakah Engkau akan menjadikan di bumi orang yang akan berbuat kerosakan di dalamnya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan memahasucikan-Mu?' Allah ber-firman, 'Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.'" (Al-Baqarah: 30)*

Inilah kisah manusia dalam Al-Qur'an, sebagaimana yang digambarkan oleh surah Al-Baqarah.

Dalam surat Al-A'raf, pemaparan mengenai hal ini lebih meluas, "*Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu (Adam), lalu Kami bentuk tubuhmu, kemudian Kami katakan kepada para malaikat, 'Bersujudlah kamu kepada Adam!', maka mereka pun bersujud kecuali Iblis. Dia tidak termasuk mereka yang bersujud. Allah berfirman, 'Apakah yang menghalangimu untuk bersujud (kepada Adam) di waktu Aku menyuruhmu?' Iblis menjawab, 'Saya lebih baik daripadanya; Engkau menciptakanku dari api sedangkan ia Engkau ciptakan dari tanah.' Allah berfirman, 'Turunlah kamu dari syurga itu; kerana kamu tidak sepatutnya menyombongkan diri di dalamnya, maka keluarlah, sesungguhnya kamu termasuk orang-orang yang hina.' Iblis menjawab, 'Berikan saya sampai waktu mereka dibangkitkan.' Allah berfirman, 'Sesungguhnya kamu termasuk mereka yang diberi masa bertangguh.' Iblis menjawab, 'Kerana Engkau telah menghukum saya tersesat, saya benar-benar akan menghalangi mereka dari jalan Engkau yang lurus. Kemudian saya akan mendatangi mereka dari muka dan dari belakang mereka, dari kanan dan dari kiri mereka. Dan Engkau tidak akan mendapati kebanyakan mereka bersyukur (taat).' Allah berfirman, 'Keluarlah kamu dari syurga itu sebagai orang terhina lagi terusir. Sesungguhnya barangsiapa di antara mereka mengikuti kamu, benar-benar Aku akan mengisi mereka dan kamu semuanya ke dalam neraka jahanam. Dan engkau, wahai Adam, bertempat tinggallah kamu dan isterimu di syurga serta makanlah olehmu berdua (buah-buahan) di mana saja yang kamu sukai, dan janganlah kamu berdua mendekati pohon ini, lalu jika kamu mendekatinya, maka kamu berdua termasuk orang-orang yang zalim.' Maka syaitan membisikkan fikiran jahat kepada keduanya untuk menampakkan kepada keduanya apa yang tertutup dari mereka iaitu auratnya, dan syaitan berkata, "Tuhan kamu tidak melarangmu mendekati pohon ini, melainkan supaya kamu berdua tidak menjadi malaikat atau tidak menjadi orang yang kekal (di dalam syurga).' Dan syaitan bersumpah kepada keduanya, 'Sesungguhnya saya adalah termasuk orang yang memberi nasihat kepada kamu berdua.' Maka syaitan memujuk keduanya (untuk memakan buah itu) dengan tipu daya, Tatkala keduanya telah merasakan buah pohon itu, tampaklah bagi keduanya aurat-auratnya, dan mulailah keduanya menutupinya dengan daun-daun surga. Kemudian Tuhan mereka menyeru, 'Bukankah Aku telah melarang kamu berdua dari pohon itu dan Aku katakan kepadamu, "Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu berdua?"' Keduanya berkata, 'Ya Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya kami termasuk orang-orang yang rugi.' Allah berfirman, 'Turunlah kalian, sebahagian kamu menjadi musuh bagi sebahagian yang lain. Dan kamu mempunyai tempat kediaman dan kesenangan di muka bumi sampai waktu yang telah ditentukan.' Allah berfirman, 'Di bumi itu kamu hidup dan di bumi itu kamu mati, dan dan bumi itu (pula) kamu akan dibangkitkan.'" (Al-A'raf; 11-25)*

Maha benar Allah Yang Maha Agung. Ayat-ayat ini memaparkan kisah Adam as. dengan sedikit terperinci. la memaparkan dialog antara Allah swt. dengan syaitan. Ia mengupas sebab yang menjadikan syaitan tersesat, iaitu kesombongan serta sebab yang menjadikan Adam tergelincir dalam kesalahan, iaitu terperdaya oleh syaitan.

Akhi, Anda juga boleh mendapatkan deskripsi(penceritaan) seperti ini di dalam surah Al-Hijr dengan sedikit terperinci. Ayat-ayat tersebut memaparkan penciptaan manusia yang dilakukan oleh Allah swt. dari tanah kering yang berasal dari lumpur hitam yang dibentuk. Kemudian bagaimana Allah menyempurnakannya dan meniupkan roh ke dalamnya? Kemudian

Allah memerintahkan kepada para malaikat agar bersujud kepadanya, kepada suatu rahsia Ilahi yang lembut dan berzat ketuhanan ini. Maka para malaikat pun bersujud, kecuali iblis yang menyatakan bahawa dirinya tidak mahu bersujud kepada manusia yang diciptakan dari tanah kering yang berasal dari lumpur hitam yang dibentuk. Iblis hanya ingat kepada bahan mentahnya(api) sahaja, tetapi ia lupa bahawa bahan mentah itu tidak bernilai apa-apa kecuali setelah ditiupkan roh-Nya ke dalamnya. Iblis adalah makhluk yang sombong, kerana itu Allah Yang Maha besar membutakannya daripada pengetahuan tentang rahsia yang kerananya ia diwajibkan bersujud. Kerana itu, ia pasti ditimpa laknat.

"*Allah berfirman, 'Keluarlah dari syurga, kerana sesungguhnya kamu terkutuk. Dan sesungguhnya kutukan itu tetap menimpamu sampai hari kiamat.' Iblis berkata, 'Ya Tuhanku, (kalau begitu) maka berilah aku masa sampai hari (manusia) dibangkitkan.' Allah berfirman, '(kalau begitu) maka sesungguhnya kamu termasuk orang-orang yang diberi masa bertangguh. Sampai hari (suatu) waktu yang telah ditentukan.' Iblis berkata, 'Ya Tuhanku, oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, dan pasti aku akan menyesatkan mereka semuanya. Kecuali hamba-hamba Engkau yang mukhlis di antara mereka.' Allah berfirman, 'Ini adalah jalan yang lurus, kewajibanKu-lah (menjaganya). Sesungguhnya hamba-hamba-Ku tidak ada kekuasaan bagimu terhadap mereka, kecuali orang-orang yang mengikutimu, iaitu orang-orang yang sesat.'" (Al-Hijr: 34-42)*

Ikhwanku, di sini Anda menemui bahawa kisah tersebut dipaparkan bersamaan dengan pemaparan makna ayat secara umum dan penjelasan pada bahagian-bahagian tertentu. Di sini dijelaskan bahawa Iblis telah mengakui ketuhanan Allah swt. Di sini Allah swt. menjelaskan bahawa ada sebahagian manusia yang tidak dapat dikuasai oleh Iblis.

Dalam surah Al-Isra' Anda boleh mendapati informasi ringkas mengenai kisah Adam. Kisah tersebut sedikit menyinggung cara iblis untuk menguasai manusia dan penjelasan mengenai kedustaan janji-janji iblis kepada manusia. "*Iblis berkata, 'Terangkanlah kepadaku, inikah orang yang Engkau muliakan atas diriku itu? Sesungguhnya jika Engkau memberi masa kepadaku sampai hari kiamat, nescaya benar-benar akan aku sesatkan keturunannya, kecuali sebagian kecil saja.' Allah berfirman, 'Pergilah, barangsiapa di antara mereka yang mengikutimu, maka sesungguhnya neraka Jahanam adalah balasanmu semua, sebagai pembalasan yang cukup. Dan hasutlah siapa yang kamu sanggup di antara mereka dengan ajakanmu, dan kerahkanlah terhadap mereka pasukan berkuda dan pasukanmu yang berjalan kaki dan bersepakatlah dengan mereka pada harta dan anak-anak, dan berilah janji kepada mereka. Dan tidak ada yang dijanjikan syaitan kepada mereka melainkan tipu belaka. Sesungguhnya hamba-hamba-Ku, kamu tidak dapat berkuasa atas mereka, Dan cukuplah Tuhanmu sebagai Penjaga.'" (Al-Isra': 62-65)*

Ikhwanku, dalam surah Thaha, Anda akan dapat menemui Informasi mengenai gambaran umum kisah ini serta perpaduan antara berbagai peristiwa ini dan maknanya secara umum. Tetapi Anda juga akan menemukan isyarat bahawa manusia itu lemah selama mereka tidak dikurniai kekuatan oleh Allah. Allah juga menyampaikan bahawa salah satu karektor manusia ialah lupa. Ia mempunyai watak pelupa dan rakus. "*Kemudian syaitan membisikkan fikiran jahat kepadanya, dengan berkata, 'Hai Adam, mahukah saya tunjukkan kepadamu pohon khuldi (pohon keabadian) dan kerajaan yang tidak akan binasa?' Maka keduanya memakan buah pohon itu, lalu tampaklah bagi keduanya aurat-auratnya dan mulailah keduanya menutupinya dengan daun-daun (yang ada di) syurga, dan durhakalah Adam kepada Tuhan dan sesatlah ia. Kemudian Tuhannya memilihnya maka Dia menerima taubatnya dan memberinya petunjuk." (Thaha: 120 122)*

Ini terjadi setelah Allah berpesan kepada Adam, namun ia lupa dan lalai. Ia tidak mempunyai kemahuan kuat yang dapat menolak godaan-godaan syaitan.

Dalam surah Shad terdapat penafsiran bahawa tanah kering dan lumpur hitam sebagai bahan asas penciptaan manusia itu berupa tanah liat. Di situ tampak kemuliaan yang diberikan oleh Allah swt. kepada manusia. "*Allah berfirman, 'Hai Iblis, apakah yang menghalangi kamu bersujud kepada yang telah Ku-ciptakan dengan kedua tangan-Ku. Apakah kamu menyombongkan diri ataukah kamu (merasa) termasuk orang-orang yang (lebih) tinggi?'" (Shad: 75)*

Di dalamnya terdapat pengakuan Iblis mengenai kemuliaan Allah swt. dan bahawa laknat yang menimpanya merupakan laknat Tuhan.

Ketika mengupas kajian tentang surah Ar-Rahman, kita menemukan bahawa kisah tersebut telah menceritakan unsur bahan asas manusia. "*Dia menciptakan manusia dari tanah kering seperti tembikar." (Ar-Rahman: 14).*

Di dalamnya terdapat isyarat bahawa unsur-unsur yang ada di dalam tubuh kita adalah berasal daripada tanah yang ada di bumi ini, dari kandungan dan bahan mentahnya. Jika kita memerhatikan kisah tersebut secara lazimnya, sebagaimana yang disebutkan dalam ayat-ayat Al-Qur'anul Karim ini, kita menemui bahawa ia memberikan petunjuk tentang sesuatu yang jelas, kesalahan yang jelas, dan tidak memerlukan penafsiran, iaitu bahawa manusia itu dalam bentuk fizikalnya telah diciptakan tanpa contoh terlebih dahulu. Ia bukan merupakan rangkaian dari makhluk lain sebagaimana yang dikatakan oleh sebahagian pakar biologi.

> “*Namun, ada beberapa aliran pendapat yang keras kepala meyakini pendapat yang dikatakan oleh mereka yang meyakini evolusi manusia dari haiwan lain, padahal Darwin sendiri mengakui bahawa ia tidak dapat mengetahui rahsia kehidupan.*”

Namun, ada beberapa aliran pendapat yang keras kepala meyakini pendapat yang dikatakan oleh mereka yang meyakini evolusi manusia dari haiwan lain, padahal Darwin sendiri mengakui bahawa ia tidak dapat mengetahui rahsia kehidupan. Ia mengakui bahawa setiap kali mencuba mendalami penelitiannya ini, ia semakin tahu bahawa sumber kehidupan adalah Allah swt. Adapun bagaimana penciptaan tersebut, maka Al-Qur'anul Karim tidak menceritakan secara terperinci. As-Sunnah juga tidak memaparkannya secara terperinci. Tetapi yang kita yakini adalah bahawa manusia, dengan unsur material tanpa roh, merupakan bahagian dari unsur tanah yang manusia pijak; manusia bukanlah salah satu jenis binatang yang mengalami evolusi setelah beradaptasi dengan lingkungannya, dan bahawa alasan-alasan yang dikemukakan oleh para tokoh dan ilmuan mengenai pelbagai syubhat dalam masalah ini hanyalah andaian-andaian yang dikeluarkan oleh para ilmuan biologi. "*Dan*

janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak memiliki pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu perlu dipertanggungjawabkan." (Al-Isra': 36)

Ini dipandang dari segi komposisi fizikal manusia, komposisi tanah sebagaimana yang disebutkan oleh Al-Qur'an.

MANUSIA SEBAGAI SALAH SATU MAKHLUK AL-MALAULA'LA

Sekarang kita membahas komposisi rohani manusia. "*Dan telah Aku tiupkan kepadanya roh-Ku." (Al-Hijr: 29).*

Di sini jelas, Saudaraku, bahawa manusia tidaklah terdiri dari satu unsur, tidak hanya terdiri dari unsur fizikal sahaja, tetapi tanah yang telah ditiupkan ke dalamnya roh Allah swt.

Akhi, Anda bukan semata-mata wadah dari tanah, tidak hanya sampul dari kulit, tetapi Anda diciptakan dari roh Allah. Sebelumnya Anda hanya berupa segenggam tanah, tetapi setelah ditiup dengan ruh Allah itu, Anda menjadi seorang manusia sempurna. Dengan demikian,, Anda termasuk salah satu makhluk syurga, kerana kemanusiaan Anda belum terbentuk kecuali setelah Allah meniupkan ruh-Nya kepada Anda. Adapun hakikat, zat, kepentingan, dan rahsia roh ini, maka tidak ada urusan Anda dengannya. Cukuplah Anda mengetahui, Saudaraku, bahawa ruh ini merupakan unsur ketuhanan dan bahawa apa saja yang berkaitan dengan Allah swt. terlalu besar untuk difikirkan oleh manusia, di luar jangkauan akalnya dan jauh daripada kemampuannya.

Di sana ada hakikat yang dikemukakan oleh kisah tersebut. Hakikat ini, Saudaraku, berkaitan dengan perbandingan Anda sebagai manusia terhadap malaikat dan kedudukan Anda terhadap makhluk Tuhan yang tercipta dari unsur cahaya ini. Anda melihat bahawa Allah swt. telah memerintahkan kepada para malaikat untuk bersujud kepada Anda setelah memberi Anda ruh dari-Nya. Dengan demikian, Anda wahai manusia, lebih agung di sisi Allah daripada para malaikat. Apabila Anda benar-benar mewujudkan kemanusiaan Anda, maka Anda lebih tinggi daripada para malaikat. Adapun jika Anda lalai, maka Anda termasuk golongan syaitan. Bila Anda menunaikan hak-hak kemanusiaan ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah swt. nescaya para malaikat akan menjadi pelayan bagi Anda.

Telah diriwayatkan oleh hadith sahih bahawa para malaikat menjenguk orang-orang soleh yang sedang sakit. Al-Qur'anul Karim juga menjelaskan bahawa mereka akan menjadi pelayan Anda pada hari kiamat. Jadi, para malaikat itu, Saudaraku, hanyalah hamba-hamba Allah dan sebahagian dari makhluk-makhluk-Nya. Mereka tidak membangkang kepada perintah Allah, selalu melaksanakan apa yang diperintahkan kepada mereka. Ekspresi yang diwujudkan oleh Allah kepada mereka hanyalah satu, iaitu ketaatan. Adapun ekspresi yang diwujudkan Allah swt. pada diri Anda, wahai manusia, lebih agung daripada itu, iaitu ekspresi *ikhtiar* (menentukan berbagai pilihan).

> Akhi, Anda bukan semata-mata wadah dari tanah ini, tidak hanya sampul dari kulit ini, tetapi Anda diciptakan dari roh Allah.

Hakikat keempat yang dipaparkan dalam kisah tersebut adalah berkenaan dengan hubungan Anda dengan syaitan. Saudaraku, kita menemukan bahawa paparan ini telah menjelaskan hubungan ini, iaitu bahawa ada permusuhan dan pertentangan yang keras serta berkesinambungan antara Anda dengan syaitan. Bahkan kehidupan ini pada hakikatnya hanyalah pertentangan antara Anda dengan syaitan itu. Allah swt. pernah memperingatkan Anda dari bahaya syaitan, dalam lebih dari satu tempat di dalam Al-Qur'anul Karim. "*Turunlah kalian semua, sebahagian kalian menjadi musuh bagi*

sebahagian yang lain." (Al-Baqarah: 36, Al-A 'raf: 24).

"Bukankah Aku telah memerintahkan kepadamu hai Bani Adam, supaya kamu tidak menyembah syaitan? Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu. Dan hendaklah kamu menyembah-Ku. Inilah jalan yang lurus." (Yasin: 60-61)

Hakikat kelima yang terkandung dalam kisah tersebut adalah berkaitan dengan kedudukan Anda, wahai manusia, berkaitan dengan tempat Anda. Kisah itu menyebutkan bahawa Anda adalah makhluk yang termasuk dalam golongan makhluk mulia. Anda diciptakan di dunia malaikat. Kemudian Anda diturunkan ke bumi ini disebabkan oleh *ikhtiar* (pilihan) Anda. Anda akan kembali ke tempat tinggal yang tinggi itu jika Anda mengetahui jalan kembali ke sana. Semoga Allah merahmati orang yang mengatakan, *"Mari menuju taman-taman ‘Adn."*

Al-Qur'an dalam memaparkan kisah tersebut tidak berhenti pada hakikat ini. la mengemukakan hakikat keenam yang membahas tentang hubungan antara manusia dengan seluruh alam ini. Ternyata ia adalah makhluk yang mulia di tengah-tengah makhluk lain. Ia mempunyai tugas sebagai khalifah di muka bumi ini. *"Ingatlah ketika Tuhanmu berkata kepada para malaikat, 'Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di bumi ini.'" (Al-Baqarah: 30)*

Jadi, bumi ini telah diserahkan kepada manusia, untuk dimakmurkan, bukan untuk dihancurkan dan dimusnahkan. Ia berkuasa di bumi, sedangkan seluruh makhluk di sana ditundukkan kepadanya. *"Tidakkah kalian perhatikan bahawa sesungguhnya Allah telah menundukkan untuk (kepentingan) kalian apa yang di langit dan apa yang di bumi dan menyempurnakan untuk kalian nikmat-Nya zahir dan batin." (Luqman: 20).* Jadi, kedudukan manusia, terlihat dalam perkataan ini: *Mereka mengangkatmu untuk suatu urusan,Jika kau telah terima,Hati-hatilah agar tidak terlantar.*

Jadi, Anda, wahai manusia, adalah khalifah yang diutus untuk memakmurkan bumi. Allah telah menundukkan segala sesuatu di bumi kepada Anda, sehingga Anda dapat melaksanakan tugas Anda dengan ikhlas. Inilah, Saudaraku, kedudukan Anda di tengah-tengah seluruh makhluk lain.

Kemudian, kita bicarakan juga tentang hubungan antara manusia dengan sesama manusia, iaitu hakikat ketujuh, "*Sebahagian dari kalian adalah bahagian dari yang lain." (An-Nisa': 25) "Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kalian dari seorang lelaki dan seorang wanita, dan menjadikan kalian berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, agar kalian saling mengenal." (Al-Hujurat: 13)*

Allah swt. tidak menjadikan bangsa-bangsa dan suku-suku untuk saling membenci dan bermusuhan, tetapi sebaliknya untuk saling mengenal dan tolong menolong. Hubungan manusia dengan sesama manusia adalah hubungan sebagai saudara. Seseorang adalah saudara bagi yang lain. Landasan hubungan antara manusia dengan Allah swt. secara global disebutkan oleh Al-Qur'an dalam firman-Nya, "*Tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia, kecuali agar mereka beribadah kepadaKu." (Adz-Dzaariyat: 56)*

PRODUK AMAL: RUH DAN JIWA

Akhi, di sini kita hendak membahaskan satu aspek yang dipaparkan oleh Al-Qur'an secara khusus, iaitu aspek roh manusia. Roh itu, Akhi, sebenarnya merupakan zat kemanusiaan. Kerana itu, ia berkedudukan ibarat jantung di dalam perbahasan kita ini. Ia merupakan hasil praktikal dan kajian ini. Anda mengetahui, wahai Ikhwanku, bahawa Anda mempunyai komposisi rohani dan bahawa Allah swt. telah meniupkan roh-Nya ke dalam diri Anda. Hakikat roh ini sendiri tidak penting bagi Anda. Kerana Allah swt. telah memerintahkan Nabi-Nya agar menjawab pertanyaan orang-orang yang bertanya tentang ruh,

dengan jawapan bahawa roh adalah urusan Allah. Tidak diragukan lagi bahawa roh itu merupakan unsur yang agung dan mulia kerana merupakan urusan Allah. Tidak diragukan lagi bahawa roh berada di alam metafizik, yang berada di luar ruang hukum-hukum alam. Ia berada di alam yang seluruhnya berisi cahaya dan sinar terang, semuanya jernih, tetapi ketika Al-Qur'anul Karim menyebutkan tentang jiwa manusia, maka ia menyebutkan sifat-sifatnya. *"Dan Kami telah menunjukkan dua jalan kepadanya." (Al-Balad: 10) "Dan demi jiwa serta penyempurnaannya, maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketaqwaan." (Asy-Syams: 7-8)*

Jiwa manusia, Saudaraku, adalah jiwa yang diberi hak memilih. Ia dapat melakukan kebaikan mahupun keburukan. Ia mampu berbuat baik sebagaimana pula mampu berbuat buruk. Allah swt. telah membuat berbagai saranan yang dapat digunakan dan dimanfaatkan untuk kebaikan, jika ia berorientasi kepadanya. Namun ia dapat pula digunakan untuk tujuan kejahatan jika ia berorientasi kepadanya. Inilah rahsia Allah, Tuhan yang Maha Kuasa dan Maha Mengatur.

Akhi, sesungguhnya Anda dapat melakukan perbuatan baik dan perbuatan buruk, dan Anda mampu membezakan antara keduanya. Rahsia pemberian Tuhan ini selalu bersedia untuk ditingkatkan keilmuannya sampai kepada puncak batas kemungkinan. Akhi, Anda bukan seorang malaikat yang seluruh hidupnya sarat dengan kebaikan, namun Anda juga bukan syaitan yang seluruh hidup Anda penuh dengan keburukan. Dengan kebijaksanaan Allah itu, Anda dapat mengisi hidup Anda dengan keduanya. Jadi, jiwa kemanusiaan Anda memiliki batas-batas yang luas dan karektor yang elastik; yang dapat menerima kebaikan dan dapat menerima kejahatan.

Wahai Akhi, demikianlah. Meskipun jiwa manusia dinilai sangat tinggi oleh Al-Qur'anul Karim, sekalipun jiwa manusia mempunyai ilmu dan keutamaan, dan sekalipun ia bercahaya dan cemerlang, namun manusia tidak disebut di dalam Al-Qur'an kecuali dengan gambaran bahawa ia memiliki kecenderungan kepada keburukan. "*Dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh." (Al-Ahzab: 72) "Sesungguhnya manusia itu sangat ingkar dan tidak berterima kasih kepada Tuhan-nya." (Al-'Aadiyaat: 6) "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian." (Al-'Ashr: 1-2) "Sesungguhnya manusia itu diciptakan bersifat keluh kesah lagi lupa. Jika ditimpa kesusahan, ia berkeluh kesah, dan apabila mendapat kebaikan ia amat lupa." (Al-Ma'arij: 19-21)*

Wahai Akhi, ini semua disebabkan oleh kenyataan bahawa jiwa manusia menempati badan, sedangkan dengan kedudukan yang diberikan oleh Tuhan itu, ia lupa dan bodoh, sehingga ia terpedaya dengan karektor persekitaran dan wadah yang ditempatinya. Ia terikut dengan kecenderungan material dan sifat-sifatnya. Bukan ini saja, bahkan syaitan telah menguasainya. Syaitan akan terus menguasai dan memikatnya.

Jika jiwa manusia pernah ditipu oleh syaitan pada saat pertama kali ia diciptakan, maka bagaimana pula pendapatmu wahai Akhi, setelah la turun ke tempat kediamannya yang kedua dan ke dalam tempat kerjanya, sekalipun asal-usul dan penciptaannya bernilai tinggi.

Sekarang, wahai Akhi, apakah penyelesaiannya? Bagaimana penyembuhannya? Apakah martabat manusia menjadi rendah? Tidak, martabatnya sama sekali tak akan turun. "*Sesungguhnya manusia benar-benar rugi. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh." (Al-'Asbr: 2-3)*

"Sesungguhnya manusia itu diciptakan bersifat keluh kesah lagi lupa. Apabila ia ditimpa kesusahan, ia berkeluh kesah. Dan apabila ia

mendapat kebaikan ia amat lupa. Kecuali orang-orang yang mengerjakan solat. iaitu mereka yang terus-menerus mengerjakan solatnya." (Al-Ma'arij: 19-23)

Jadi, wahai Akhi, untuk mengatasi masalah ini, kita sangat memerlukan pembersih noda. Di sana ada perjuangan yang harus dilakukan terus-menerus. Allah tidak akan membiarkan Anda sia-sia. Sebaliknya, Allah telah mengirimkan para rasul yang membawa kita, sehingga roh dapat dijaga kesuciannya dan orientasi Anda kepada Allah terus berterusan, berkat kurnia dan petunjuk-Nya. Al-Qur'anul Karim telah mengisyaratkan bahawa jiwa manusia dalam perjuangan ini mengalami beberapa tahap dan peringkat. Maka, rutinkanlah, wahai Akhi, hubungan Anda dengan Allah. Rutinkanlah zikir Anda, ketaatan Anda, dan perhatian Anda kepada Allah. Inilah penyelesaian masalah yang dapat mencemerlangkan jiwa Anda ketika mana ia jatuh ke lembah materialisme. *"Dan aku tidak menganggap bahawa diriku terbebas dari kesalahan, kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan..." (Yusuf: 53)*

"Dan orang-orang yang berjihad untuk mencari keredhaan-Ku, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar berserta orang-orang yang berbuat baik." (Al-Ankabut: 69)

Semoga Allah melimpahkan selawat dan salam-Nya kepada junjungan kita, Muhammad, juga kepada segenap keluarga, dan sahabatnya.

Hassan Al Banna

“

Maka, rutinkanlah, wahai Akhi, hubungan Anda dengan Allah. Rutinkanlah zikir Anda, ketaatan Anda, dan perhatian Anda kepada Allah. Inilah penyelesaian masalah yang dapat mencemerlangkan jiwa Anda ketika mana ia jatuh ke lembah materialisme.

-Hassan Al-Banna-

”

- ***Mereka Yang Telah Pergi*** adalah Karya Al- Mustasyar Abdullah Al-Aqil berdasarkan pengalaman dan kajian beliau tentang tokoh-tokoh pembangun Islam.
- ***Hadith Tsulasa'*** adalah ceramah Imam Hassan Al-Banna di pusat Ikhwanul Muslimin di Kaherah pada setiap hari Selasa hasil nota karangan Ahmad Isa 'Asyur.